

**BERITA ONLINE  
BERITA HARIAN  
TARIKH : 10 JANUARI 2022 (ISNIN)**



**Pembantu rumah: Malaysia, Indonesia dijangka meterai MoU awal Februari**

Oleh [Rafidah Mat Ruzki](#) - Januari 10, 2022 @ 1:00pm

[fidahruzki@bh.com.my](mailto:fidahruzki@bh.com.my)



(Gambar fail) Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan. - NSTP/ASYRAF HAMZAH

PUTRAJAYA: Malaysia dan Indonesia dijangka memeterai memorandum persefahaman (MoU) membabitkan kemasukan Perkhidmatan Domestik Indonesia (PDI) yang meliputi pembantu rumah, pada awal bulan depan.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata kedua-dua negara dijangka menandatangani MoU itu pada 7 atau 8 Februari depan di lokasi yang akan ditetapkan Kerajaan Indonesia.

Bagaimanapun, beliau berkata, beberapa perkara akan diperincikan terlebih dahulu, termasuk kos membawa masuk PDI dan syarat lain yang diminta oleh Kerajaan Indonesia.

"Ketika ini, pendekatan Kuala Lumpur ialah kita hendak mengawal harga (kos membawa masuk setiap PDI), iaitu antara RM10,000 hingga RM15,000 keseluruhan termasuk levi dan kos kuarantin.

"Saya berdepan masalah besar dengan Kerajaan Indonesia kerana mereka meminta Malaysia menghapuskan pendekatan pengambilan pembantu rumah yang datang sebagai pelancong.

"Ketika ini, pendekatan kita ialah mana-mana warga Indonesia yang datang ke Malaysia sebagai pelancong, boleh memohon permit kerja.

"Kerajaan Indonesia berpendapat ini adalah buruh paksa, (justeru mereka) meminta saya menghapuskan sistem ini sebelum menandatangani perjanjian itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan MoU antara Kementerian Sumber Manusia dengan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di ibu pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), hari ini.

Berikutan itu, Saravanan berkata, beliau akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin, dalam masa terdekat untuk mendapatkan pandangannya.

Seterusnya, beliau berkata, kedua-dua pihak bagaimanapun bersetuju bahawa kos membawa masuk PDI perlu terkawal bagi mengelakkan ada ejen tidak berdaftar mengambil kesempatan.

Namun ketika ini, katanya, majikan berdepan kos tambahan berikutan perlu menanggung kos kuarantin diwajibkan terhadap pekerja asing yang memasuki Malaysia.

Justeru, beliau berkata, pihaknya akan meminta kerajaan mengurangkan kos kuarantin yang akan dikenakan terhadap pekerja terbabit.

"Kos kuarantin ialah kira-kira RM3,000 bagi tempoh antara tujuh hingga 14 hari, termasuk ujian saringan COVID-19 yang dikenakan.

"Ada kes selepas tujuh hari menjalani kuarantin, baru didapati positif COVID-19. Kita perlu bersama-sama Kementerian Kesihatan (KKM) dalam usaha menangani penularan COVID-19," katanya.

Dalam pada itu, Saravanan menafikan kos membawa masuk PDI akan mencecah RM25,000 seperti yang didakwa sesetengah agensi pekerja asing.

Malah, katanya, beliau tidak tahu bagaimana pihak berkenaan boleh menganggarkan kos sedemikian kerana sejak dua tahun lalu, tiada pekerja asing dibawa masuk ke negara ini.

Media sebelum ini melaporkan ada agensi pekerja asing mendakwa kos membawa masuk pembantu rumah warga asing antara RM16,000 hingga RM20,000 sebelum pandemik, kini mencecah RM25,000 berikutan kos kuarantin dan ujian saringan yang diwajibkan.

Saravanan sekali gus meminta agensi berkaitan untuk bekerja sebagai satu pasukan dalam memberikan maklumat berkaitan isu pekerja asing kepada rakyat, supaya kenyataan dikeluarkan tidak saling bercanggah.

Sementara itu mengulas kenyataan Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud, berhubung kos pengambilan pembantu rumah asing pula, Saravanan meminta orang ramai supaya tidak terkeliru kerana kadar disebut adalah kos berkait Jabatan Imigresen.

Media Jumaat lalu melaporkan Khairul Dzaimie berkata, Jabatan Imigresen hanya mengenakan bayaran RM1,136 bagi pengambilan pembantu rumah asing kali pertama, yang merangkumi bayaran levi, visa mengikut negara, fi proses, bayaran pas, wang jaminan dan beberapa bayaran berkaitan.